

06 MAY 2001

Mahathir-Umno (Bergambar)

KEPUTUSAN LEMBAGA DISIPLIN BUKTI UMNO SERIUS TANGANI POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Keputusan Lembaga Disiplin Umno menggantung hak untuk bertanding dalam pemilihan parti selama enam tahun ke atas enam anggota parti itu menunjukkan bahawa Umno amat serius dalam usaha membersihkan amalan politik wang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita harap orang lain yang ingin lihat Umno bersih akan berikan sokongan pada Umno," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

Beliau berkata Umno mengambil pendekatan yang serius dalam menangani gejala politik wang dalam parti.

"Walaupun ramai rasa kecewa kerana tak boleh bergerak dalam Umno, tetapi keadaan ini kita kena tamatkan dengan segera walaupun dengan ini akan mengurangkan sokongan orang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pameran "Dinosaurs Alive" di sini hari ini. Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau ditanya mengenai keputusan lembaga disiplin semalam yang memutuskan enam anggota termasuk tiga ketua bahagian bersalah kerana terbabit di dalam penggunaan politik wang di dalam pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini.

Mereka ialah Ketua Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawawi; Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Bahagian Baling, Datuk Zainol Mohd Isa yang juga Exco Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Kedah; Ketua Penerangan Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Pengerusi Lembaga Disiplin Tengku Ahmad Rithauddeen berkata semalam, mereka digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan hilang hak mengundi pada pemilihan parti di semua peringkat pada sepanjang tempoh itu.

Dr Mahathir berkata, keputusan lembaga disiplin itu akan disokong oleh Majlis Tertinggi Umno kerana sebarang usaha untuk menolaknya akan menyebabkan parti itu hilang kredibilitinya.

Mengenai sama ada pertandingan akan diadakan semula di bahagian-bahagian yang terjejas akibat keputusan lembaga itu, beliau berkata, Umno belum memutuskannya lagi.

Presiden Umno itu juga ditanya jika jawatan exco yang dipegang oleh Zainol akan turut terjejas, beliau berkata, keputusan semalam hanya berkenaan dengan hal ehwal parti sahaja.

"Ini cuma berkenaan parti sahaja, yang lain kita tak campurlah, itu tugas orang lain," katanya.

Ketika ditanya jika Umno akan menyerahkan kes-kes berkenaan politik wang kepada Badan Pencegah Rasuah, Dr Mahathir berkata "Ya, kalau ada keperluan kita akan serahkan."

Mengenai kenyataan Tengku Ahmad Rithauddeen semalam yang menyatakan bahawa siasatan lembaga itu mengenai dakwaan oleh Ketua Umno Bahagian Kuantan Datuk Fauzi Abdul Rahman telah selesai dan akan diserahkan kepada MT, Dr Mahathir berkata, beliau belum mendapat laporan siasatan itu.

"Kita tak tahu lagi apa dia laporan itu, bila kita dapat laporan itu kita fikirlah," katanya.

Sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh ahli Lembaga Disiplin Tan Sri Zaki Tun Azmi telah ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Fauzi

mengenai politik wang di dalam pencalonan jawatan ketua bahagian Kuantan, Mac lepas.

Fauzi juga telah membuat aduan polis terhadap bekas Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob yang kini Setiausaha Agung Umno dan Menteri Penerangan di atas dakwaan melakukan penyelewengan dalam pemberian kawasan balak.

-- BERNAMA

MHI ES MOZ